

# *Rakyat perlu diberi panduan — Abdullah*

PULAU PINANG, Isnin. — Menteri Tak Berpotpollo di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, bimbingan dan panduan perlu diberi kepada penduduk-penduduk bagi membolehkan mereka merebut peluang dari pelaksanaan projek-projek Kerajaan.

Katanya, langkah ini juga dapat meningkatkan taraf sosial dan ekonomi penduduk-penduduk di luarbandar.

Datuk Abdullah berkata, bagi mencapai matlamat tersebut Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) serta

agensi-agensi Kerajaan hendaklah memainkan peranan penting mereka memberi panduan kepada penduduk-penduduk.

Datuk Abdullah menegaskan demikian semasa berucap dalam satu perhimpunan sivik di Bumbung Lima 20 batu dari sini petang semalam.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Haji Hassan Noh turut hadir dalam perhimpunan tersebut anjuran Jabatan Penerangan.

Datuk Abdullah menyeru semua golongan terutama Orang-orang Melayu di negeri ini bersatupadu serta terus memberi sokongan kepada Kerajaan.